

e-ISSN: 2976-2596
Edisi Jul-Sep 2022

KUALITI



InQKA
*Tidak mahu jadi
jaguh kampung*
Prof. Dr. Azizah Abdullah

eISSN 2976-2596



Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Zon Timur

Penulis: Unit KIK
Jurugambar: Unit KIK

Semasa mesyuarat Jawatankuasa Pemandu KIK 2022, perbincangan bersama Penyelaras Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Zon Timur iaitu UiTM Pahang, Terengganu dan Kelantan telah memutuskan UiTM Cawangan Pahang akan menjadi tuan rumah bagi menganjurkan Konvensyen KIK UiTM Zon Timur 2022.

Konvensyen kali ini melibatkan tiga kampus iaitu UiTM Cawangan Pahang, Terengganu dan Kelantan yang bergiat aktif dalam KIK. Setiap kampus boleh menghantar maksimum tiga (3) kumpulan dan penyertaan hanya terhad kepada 9 kumpulan sahaja. Konvensyen ini akan diadakan selama tiga (3) hari iaitu pada 22 hingga 24 Ogos 2022. Projek KIK terbaik yang mendapat pingat emas akan dipilih untuk mewakili UiTM Zon Timur ke Konvensyen KIK UiTM tahun 2022 yang akan dianjurkan oleh UiTM Cawangan Perak pada 17 & 18 Oktober 2022.

Objektif konvensyen adalah seperti berikut:

- Menyediakan ruang untuk KIK UiTM berkongsi mengenai pelaksanaan projek dan inovasi yang dihasilkan
- Memberi ganjaran dan pengiktirafan kepada staf yang terlibat dalam KIK
- Memilih KIK yang berpotensi untuk mewakili zon ke Konvensyen KIK Peringkat UiTM
- Meyakinkan warga UiTM bahawa aktiviti KIK adalah salah satu mekanisme transformasi UiTM



HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

© 2022. KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam



ALAMAT:

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Blok A, Bangunan Akademik 2,
Universiti Teknologi MARA, Jalan Ilmu 1/1,
40450, Shah Alam,
Selangor



@inqkautm



inqka@uitm.edu.my